

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 04/12/2018  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : **Usahawan disaran tubuh koperasi jana modal perniagaan**

## **Usahawan disaran tubuh koperasi jana modal perniagaan**

*Tarikh kemaskini: 04/12/2018*

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Usahawan di negara ini disaran menubuhkan koperasi untuk mengumpul modal bagi memulakan perniagaan dan tidak hanya bergantung kepada geran dan dana kerajaan, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof.

Katanya, ini kerana, koperasi mampu membentuk satu dana yang mencukupi untuk golongan usahawan memulakan perniagaan termasuk dalam industri minyak dan gas, sekali gus dapat bersaing secara lebih produktif.

"Sektor koperasi memainkan peranan penting kerana ia adalah ejen atau pemangkin kepada pembangunan usahawan terutama bagi sektor perusahaan kecil dan sederhana yang mana mereka boleh mengumpul dana secara bersama membabitkan ahli.

"Terbaharu, sektor minyak dan gas juga berpotensi dibangunkan menerusi penubuhan koperasi walaupun setakat ini tiada lagi kopeasi diwujudkan untuk tujuan ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Penutup Karnival Usahawan dan Koperasi Digital, di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Mengulas lanjut, Mohd Redzuan berkata, penubuhan koperasi turut membantu usahawan meningkatkan kemahiran dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan agar matlamat penubuhannya mencapai sasaran selain perniagaan dijalankan mendapat keuntungan.

Selain itu katanya, penubuhan koperasi juga mampu melahirkan tenaga manusia berkemahiran menerusi pelbagai latihan dan pendidikan kerana ia menentukan pembangunan atau kejayaan sesebuah koperasi.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, sektor koperasi di negara ini digalakkan menceburi perniagaan berimpak tinggi dan menggunakan ekonomi digital sebagai peluang besar meningkatkan produktiviti serta pencapaian ekonomi sektor koperasi.

"Untuk makluman, sumbangan ekonomi digital Malaysia kepada Keluaran Dalam Negara Kasar mencecah 17.8 peratus pada 2015 dan hampir merealisasikan sasaran 18.2 peratus yang ditetapkan pada 2020," katanya.

-- BERNAMA